

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR AMIRUDDIN HAMZAH  
(KUBANG PASU)**

**TARIKH : 6 OGOS 2020 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan pemantauan terhadap kenderaan lebih muatan yang merosakkan jalan dan berbahaya kepada pengguna jalan yang lain seperti konsep “*weigh-in-motion*” di jalan-jalan yang telah dikenalpasti.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu berkaitan kenderaan perdagangan membawa lebih muatan adalah merupakan satu perkara yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Kenderaan lebih muatan ini bukan sahaja menyumbang kepada kerosakan infrastruktur jalan, tetapi yang lebih utama, membawa risiko kemalangan jalan raya yang tinggi kepada pengguna yang lain.
2. Pihak JPJ secara berterusan melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ke atas peraturan had muatan kenderaan. Selain mengoperasikan 48 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, JPJ juga turut dibekalkan dengan 67 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan menguatkuasakan peraturan berkaitan kenderaan lebih muatan. Hasilnya, untuk tempoh dua tahun bagi tahun 2018-2019, secara purata, sejumlah lebih daripada 65 ribu notis saman telah dikeluarkan dalam setahun, iaitu bersamaan dengan lebih daripada 5,400 ribu notis sebulan atau lebih daripada 180 notis saman dikeluarkan pada setiap hari.
3. Dalam hubungan ini, Kementerian menyedari bahawa aktiviti penguatkuasaan secara fizikal sahaja adalah tidak mencukupi bagi mengubah sikap dan minda pihak tidak bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan tersebut. Perkara ini mengambil kira akan kekangan anggota yang dihadapi, keluasan kawasan operasi di seluruh negara dan kelicikan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam meloloskan diri daripada jaringan penguatkuasaan termasuk dengan menggunakan khidmat-khidmat tonto.
4. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya, telah semenjak tahun 2016 lagi, mengadakan siri-siri perbincangan dan kajian ke arah menggunakan elemen teknologi tinggi dalam aspek penguatkuasaan peraturan had muatan kenderaan ini. Antara sistem yang telah dikenalpasti adalah

sistem dinamakan “Weigh-in Motion” atau WIM ini. Menerusi penggunaan sistem WIM, aktiviti penguatkuasaan peraturan berat serta had laju kenderaan boleh dilaksanakan secara automatik dan ditempatkan di lebih banyak lokasi di seluruh negara. Teknologi Weigh in Motion (WIM) akan mengukur kehadiran kenderaan yang sedang bergerak berdasarkan kepada kekuatan *dynamic force* tayar kenderaan di lokasi yang ditentukan, dilengkapi penggunaan perisian yang turut menghitung masa, anggaran beban tayar, kelajuan, jarak gandar, kelas kenderaan mengikut susunan gandar dan parameter lain berkenaan kenderaan sebelum maklumat yang diterima dapat diproses, dipaparkan, disimpan, dan dianalisa termasuk bagi tujuan penguatkuasaan.

5. Berdasarkan kepada maklumat terkini daripada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), pihak KKR telah memohon peruntukan daripada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) di dalam Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-12 untuk melaksanakan sistem WIM. Sebagai permulaan, sistem WIM adalah dirancang untuk dipasang di 50 lokasi strategik yang telah dikenalpasti di seluruh negara.
6. Penggunaan sistem WIM bersama dengan aktiviti penguatkuasaan fizikal oleh JPJ akan berupaya meningkatkan keberkesanan pematuhan peraturan dan meluaskan liputan atau capaian aktiviti penguatkuasaan di seluruh negara. Ianya juga akhirnya akan berupaya menyumbang ke arah menjimatkan perbelanjaan kewangan Kerajaan untuk tempoh jangka masa panjang dalam skop penyelenggaraan infrastruktur jalan.

Sekian, terima kasih.